

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 25 OGOS 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 14

---

MENGANGKAT SUMPAAH

---

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14529  
**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang akan mempertimbangkan semula keputusannya untuk menolak pelaksanaan laluan kerani berartikel, sedangkan Bar Standards Board di UK sedang meneliti pemansuhan syarat ijazah sebelum memulakan latihan dalam kamar.
2. PN-1542-L14082  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha terkini yang diambil Kementerian bagi menangani gejala buli yang semakin meruncing dalam kalangan pelajar sekolah mutakhir ini termasuklah dalam kes yang melibatkan kematian seperti kes adik Zara Qairina.
3. PN-1542-L14160  
**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kajian penilaian impak dilaksanakan oleh Kementerian mengenai keberkesanan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran yang telah dilaksanakan sejak tahun 2000. Apakah hasil kajian tersebut dan langkah penambahbaikan yang telah dikenal pasti.
4. PN-1542-L14261  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesediaan dan kapasiti Malaysia untuk merealisasikan Wawasan Lembah Silikon khususnya menaikkan rantai nilai kepada pembuatan yang lebih canggih dan berteknologi tinggi seperti pembuatan wafer silikon.

5. PN-1542-L14581  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penglibatan wanita dalam membuat keputusan mengenai hala tuju dan pengurusan sesebuah syarikat atau perniagaan.
6. PN-1542-L14503  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah konkrit yang telah diambil untuk memperluas akses kepada peluang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi belia dan komuniti di kawasan luar bandar.
7. PN-1542-L14037  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
  - (a) status terkini pembinaan Balai Bomba di Sungai Asap, Belaga, Sarawak yang ditunggu-tunggu selama lebih 20 tahun sehingga hari ini oleh penduduk tempatan; dan
  - (b) masalah yang dihadapi dalam menyiapkan projek balai bomba tersebut.
8. PN-1542-L14196  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pendekatan Kementerian dalam memastikan para petani di Sabah mendapat manfaat sewajarnya daripada program subsidi dan sokongan pertanian.
9. PN-1542-L14601  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Tabung Haji bercadang untuk menambah aset dengan membeli tanah di kawasan berdekatan Masjidil Haram bagi menambah baik perkhidmatan kepada bakal jemaah Haji Malaysia pada masa akan datang.
10. PN-1542-L14472  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk menambah bilangan TASKA dan TABIKA KEMAS dengan yuran berpatutan bagi meringankan beban ibu bapa berpendapatan rendah yang mempunyai ramai anak agar mereka tidak terpaksa berhenti kerja kerana kos pengasuhan yang tinggi.

11. PN-1542-L14050

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah unit rumah mampu milik yang dirancang oleh Kementerian untuk dibina di Sarawak di bawah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Program Perumahan Rakyat (PPR), serta berapakah yang telah siap dan diserahkan kepada pemilik dalam tempoh tiga tahun terakhir.

12. PN-1542-L14407

**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memperkukuh perkembangan perkhidmatan Peritoneal Dialysis (PD), selaras dengan dasar "PD First", serta seiring dengan peningkatan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan tersebut setiap tahun; dan
- (b) berapakah bilangan pesakit baharu yang memulakan rawatan Peritoneal Dialysis (PD) berbanding dengan pesakit yang memulakan rawatan Hemodialisis (HD).

13. PN-1542-L14414

**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah inisiatif dan program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membendung peningkatan penagihan dadah dalam kalangan orang muda, serta bagaimanakah Kementerian menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti sihat sebagai langkah pencegahan yang berkesan.

14. PN-1542-L14361

**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan dengan jelas apakah adanya tekanan untuk MAS membeli 30 pesawat komersial Boeing bagi mendapatkan pengurangan tarif Amerika Syarikat dari 25% kepada 19%.

15. PN-1542-L14551

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratus jumlah pelajar tingkatan 4 dan 5 yang memilih STEM A serta berapakah sasaran Kerajaan dan apakah langkah Kerajaan untuk melonjakkan jumlahnya.

16. PN-1542-L13934  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk merombak sistem pembiayaan kesihatan awam negara agar lebih mampan dan tidak terus bergantung sepenuhnya kepada subsidi Kerajaan termasuk cadangan mewujudkan skim caruman kesihatan sosial seperti MediSave di Singapura.
17. PN-1542-L14659  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian mengeluarkan geran penyelidikan untuk menggalakkan penyelidikan tentang warisan negara, baik warisan ketara mahupun warisan tidak ketara.
18. PN-1542-L13909  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah kempen promosi 'tempat duduk percuma' yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah amalan perniagaan yang melanggar undang-undang dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk melindungi hak pengguna.
19. PN-1542-L14633  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan warga negara Malaysia berbangsa India yang telah menyertai Angkatan Tentera Malaysia sama ada Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Darat Malaysia.
20. PN-1542-L14147  
**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan taraf pelaksanaan dan pencapaian Dasar Upah Progresif (PWP) 2025 sejak 1 Februari dan status pelanjutan pelaksanaannya kepada semua majikan tanpa mengira saiz mulai 1 Ogos 2025 termasuk pendaftaran majikan serta kenaikan gaji pekerja mengikut panduan *entry level* dan *non-entry level* di bawah PWP.
21. PN-1542-L14493  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan sebenar dan impak Laporan Ketua Audit Negara apabila kelihatan tiada mekanisme pemantauan yang berkesan untuk tindakan susulan penemuannya, serta apakah pelan tindakan konkrit atau langkah penguatkuasaan yang diambil bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan audit tersebut.

22. PN-1542-L14513

**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan respon terhadap titah Pemangku Sultan Johor berkenaan pulangan hasil cukai sebanyak 25% kepada Negeri Johor agar Negeri Johor boleh berdiri dengan kaki sendiri.

23. PN-1542-L14176

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah persepsi terhadap tohmahan campur tangan politik dalam sistem kehakiman terutama isu penangguhan pelantikan hakim-hakim kanan dan hakim mahkamah atasan yang berlaku baru-baru ini dan masa depan.

24. PN-1542-L13919

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan adakah Kerajaan akan menggubal undang-undang yang lebih komprehensif tentang tatakelola dan etika kecerdasan buatan dengan penggunaan alat generatif kecerdasan buatan yang semakin meluas seperti *ChatGPT* dan kerisauan berkenaan *deepfakes*, privasi data dan *algorithmic bias* dan bagaimanakah ini akan mengimbangi inovasi dengan perlindungan daripada penyalahgunaan.

25. PN-1542-L14285

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan langkah bajet terkini seperti bantuan tunai RM100 dan penurunan harga petrol RON95 kepada RM1.99 seliter dapat mengurangkan tekanan kos sara hidup khususnya impak daripada kenaikan tarif utiliti dan bagaimana Kerajaan menjamin bantuan ini bersasar serta sejajar reformasi fiskal.

26. PN-1542-L14231

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan persediaan Malaysia menerima kehadiran Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump ke Sidang Kemuncak ASEAN Kuala Lumpur pada Oktober 2025.

27. PN-1542-L14561

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana pihak Kerajaan bercadang untuk membuat pemantauan pematuhan terhadap keberkesanan pindaan RUU Pendidikan 2025 dan adakah mekanisme sedia ada mencukupi untuk memastikan ibu bapa tidak culas menghantar anak ke sekolah terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan berisiko tinggi seperti komuniti setinggan dan luar bandar.

28. PN-1542-L14303

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada jururawat dan penolong pegawai perubatan yang telah dipegunkan dengan pelaksanaan SSPA dan juga kadar Elaun Posbasik akan dikaji semula untuk mengatasi krisis kekurangan jururawat di Kementerian Kesihatan Malaysia.

29. PN-1542-L14016

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah unit rumah yang telah siap dibina tetapi masih belum terjual (overhang) mengikut kategori harga dan lokasi bagi tahun 2022 sehingga 2025 serta apakah pendekatan dalam menangani isu lebihan bekalan rumah ini agar tidak memberi kesan kepada keseimbangan pasaran perumahan negara.

30. PN-1542-L14373

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang digunakan oleh Kementerian bagi memastikan majikan memberikan gaji yang setara kepada pekerja lelaki dan wanita yang memegang jawatan sama dan mempunyai kelayakan yang setara.

31. PN-1542-L13929

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah segera dan konkrit yang diambil oleh Kementerian dalam tempoh 6 bulan akan datang untuk menangani kelemahan sistem yang sudah dikenal pasti dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dan pemahaman membaca terutamanya di sekolah luar bandar dan sekolah kurang diberi perkhidmatan.

32. PN-1542-L14117

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian tegas Kerajaan Malaysia terhadap tuntutan bertindih di Laut Sulawesi dan langkah-langkah yang sedang diambil bagi memastikan kedaulatan negara tidak terjejas serta memastikan pengawasan yang berterusan di kawasan perairan yang berhampiran Laut Sulawesi agar tidak dicerobohi oleh pihak asing.

33. PN-1542-L14612

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan status kemajuan Majlis Biodiversiti Negara (MBN) sejak ditubuhkan dan sejauh manakah pengukuhan dasar serta strategi pemuliharaan kepelbagaian biologi secara komprehensif telah dilaksanakan.

34. PN-1542-L13986

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian dan pihak pengurusan universiti bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan jumlah antara pelajar lelaki dan wanita di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

35. PN-1542-L14026

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas ekonomi dan saintifik yang digunakan dalam penetapan kadar permulaan cukai karbon yang bakal diperkenalkan sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan 2025, dan apakah jangkaan jumlah kutipan cukai tersebut serta bagaimana ia akan diperuntukkan dalam belanjawan fiskal negara.

36. PN-1542-L14052

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini permohonan insentif khas RM200 juta kepada Negeri Kedah atas pengekalan tanah seluas 113,000 hektar untuk tanaman padi yang menyumbang 43 peratus kepada tahap sara diri beras negara.

37. PN-1542-L14684

**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada wujud rancangan projek-projek baharu bagi Wilayah Persekutuan Labuan dalam RMK13.

38. PN-1542-L14327

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Insentif Pengeluaran Getah (IPG) turut memberi manfaat langsung kepada penoreh upahan yang tidak memiliki tanah dan apakah mekanisme yang digunakan untuk memastikan mereka tidak terpinggir daripada bantuan ini.

39. PN-1542-L14398

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan birokrasi dalaman teknikal dan mempercepatkan tindakan bagi kerja-kerja asas seperti baik pulih jalan kampung dan pembersihan saluran tersumbat yang sering lewat disiapkan atas alasan kekurangan peruntukan.

40. PN-1542-L14343

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempertimbangkan cadangan bagi mewujudkan satu tabung amanah khas (trust fund) untuk negeri Sabah agar masalah baki peruntukan tahunan persekutuan yang tidak habis digunakan dapat diselesaikan sekali gus membolehkan negeri Sabah menggunakan sepenuhnya peruntukan tersebut untuk tujuan pembangunan.

41. PN-1542-L14251

**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah terkini pegangan ekuiti Bumiputera berbanding kaum-kaum lain dan pegangan asing serta jenis program khusus Kerajaan MADANI untuk meningkatkan jumlah pegangan tersebut.

42. PN-1542-L14039

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan usaha Kementerian dalam memperkasakan sektor mineral negara sebagai sumber pendapatan baharu khususnya melalui pembangunan unsur nadir bumi bukan radioaktif (REE) serta menjelaskan faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan dalam mengeluarkan SOP REE.

43. PN-1542-L13996

**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil melalui penguatkuasaan yang lebih ketat bagi memastikan buah-buahan yang diimport terutamanya dari negara Thailand, China, Cambodia dan sebagainya selamat dimakan.

44. PN-1542-L14428

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pendekatan baharu yang akan diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bagi menangani ketidakseimbangan pembangunan antara Wilayah termasuk Sabah dan Sarawak.

45. PN-1542-L14107

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk mencungkil bakat dalam kalangan anak-anak muda pedalaman agar mereka tidak terlepas peluang mewakili negeri atau negara; dan
- (b) apakah faedah-faedah yang diberikan kepada ahli-ahli sukan yang mencapai peringkat mewakili negara.

46. PN-1542-L14006

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini cadangan pembinaan *spur line* ECRL dari Stesen Pasir Puteh ke Pelabuhan Tok Bali, Kelantan yang telah diluluskan dalam pelan jajaran *Section A*, termasuk hasil kajian kebolehlaksanaan, sebab kelewatan pelaksanaannya, dan bilakah jangkaan projek ini akan dimulakan serta disiapkan.

47. PN-1542-L14566

**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme untuk memastikan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dilaksanakan dengan baik.

48. PN-1542-L14159

**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah khidmat sokongan dan latihan yang disediakan oleh Kementerian telah membantu golongan wanita di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang dalam usaha memperkasa serta meningkatkan martabat mereka terutamanya dalam bidang keusahawanan dan bidang-bidang lain.

49. PN-1542-L14263

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah proses pemantauan dilakukan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti guru dan kemudahan pendidikan di sekolah-sekolah di kawasan Orang Asli.

50. PN-1542-L14137

**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini polisi Kementerian mengenai yuran perundingan bagi pengamal am (general practitioner) yang dilihat terlalu rendah. Adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula yuran tersebut dan bercadang untuk menaikkan kadar tersebut di masa hadapan.

51. PN-1542-L14374

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan merancang untuk menyalurkan secara langsung dana pembangunan Persekutuan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tanpa melalui Pejabat Pembangunan Negeri (ICU), bagi mengelakkan pertindihan fungsi serta kelewatan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

52. PN-1542-L14318

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan penawaran jawatan guru adalah mencukupi dengan jumlah graduan sarjana muda pendidikan agar tidak berlaku lambakan graduan pendidikan yang tidak mendapat tempat sebagai guru di seluruh Malaysia.

53. PN-1542-L14295

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi Kerajaan untuk menarik pelaburan firma Indonesia dan sektor swasta ke Sabah dan Sarawak, termasuk insentif serta kerjasama rentas sempadan yang sedang dirancang memandangkan pembangunan Ibu Kota Nusantara (IKN) dijangka memberi limpahan ekonomi rentas Borneo.

54. PN-1542-L14216

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan strategi bantuan dan rundingan dengan Kerajaan Negeri bagi Skim Bayaran Ansuran atau mekanisme bantuan bagi permohonan penukaran status tanah getah ke tanah sawit untuk sebilangan besar bekas pekebun kecil getah yang telah menukar ke tanaman sawit mendapat pengiktirafan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

55. PN-1542-L14392  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang peningkatan yang ketara dalam tahap kebersihan bandar di Wilayah Persekutuan selepas pelaksanaan program Bersih Semua Tempat (BeST).
56. PN-1542-L14275  
**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Dewan Orang Asli sebagai platform rundingan rasmi Orang Asli bagi melibatkan penyertaan mereka dalam dasar negara.
57. PN-1542-L14166  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil bagi menangani kemelesetan ekonomi dan kadar inflasi yang meningkat serta pertumbuhan ekonomi perlahan yang dihadapi oleh negara menurut World Economic Forum khususnya berkait dengan kekurangan tenaga kerja dan pergantungan kepada buruh asing.
58. PN-1542-L14653  
**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang mengalami masalah kekurangan pelajar dan berdepan dengan situasi penutupan sekolah tersebut.
59. PN-1542-L14634  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan bagi mengatasi masalah tekanan air rendah dan kekurangan bekalan air bersih di kawasan perkampungan Orang Asli.
60. PN-1542-L14375  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi memperluaskan Sistem Komunikasi Radio dan Internet Bersepadu Bergerak (PRIME) di Sarawak dan Sabah kerana inisiatif ini penting untuk kesiapsiagaan bencana, terutamanya jika melihat kejadian seperti Taufan Wipha di Vietnam dan tsunami di Jepun yang berlaku baru-baru ini.

61. PN-1542-L14313  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian akan mewajibkan syarat BMI 25 ke bawah untuk pengurusan tertinggi Kementerian. Jika ya, adakah langkah BMI 25 ke bawah ini akan dikuatkuasakan pada tahun 2025 juga dan digunakan sebagai kriteria kenaikan pangkat.
62. PN-1542-L14349  
**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan kekangan Kerajaan untuk mempercepat pembinaan laluan lintasan hidupan liar (wildlife crossing) seperti di Kanada yang terbukti dapat mengurangkan 80 peratus insiden yang melibatkan haiwan liar.
63. PN-1542-L14201  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian dalam mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2026 khususnya untuk negeri Perak yang mempunyai tempat-tempat menarik dan penuh dengan sejarah yang boleh dijadikan sebagai tarikan di media-media antarabangsa serta apakah sasaran negara luar yang mempunyai pelancong berkualiti tinggi serta mampu berbelanja besar di dalam negara.
64. PN-1542-L14061  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mempertimbangkan syarat tambahan bagi perlesenan permit penjualan minuman beralkohol di kawasan majoriti bukan Islam sebagai salah satu syarat utama di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian bagi mengelakkan berlakunya isu penjualan alkohol di kawasan yang majoritinya penduduk beragama Islam.
65. PN-1542-L14086  
**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perkembangan semasa penglibatan di antara Kerajaan Sarawak, Sabah dan Kementerian dalam mengusahakan inisiatif pembangunan jagung bijian secara bersepadu yang akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak melalui Jawatankuasa Industri Jagung Bijian Negara (NGCIC).

66. PN-1542-L14539

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa banyak restoran di kawasan Lembah Klang telah ditutup sejak kebelakangan ini akibat kekurangan tenaga kerja, terutama yang tamat tempoh visa dalam tempoh 3 tahun terakhir; dan
- (b) apakah mekanisme segera yang dirancang untuk menggantikan pekerja-pekerja ini memandangkan impak langsung kepada sektor perniagaan makanan dan pelancongan menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026.

67. PN-1542-L14185

**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk berunding secara diplomatik dengan Negara Filipina bagi menggugurkan tuntutan terhadap Sabah sebagai sebahagian dari wilayah mereka selepas melihat kejayaan Putrajaya menjadi perantara dalam gencatan senjata di sempadan Thailand-Kemboja.

68. PN-1542-L13947

**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membantu pekebun kecil kelapa sawit yang mempunyai tanah dengan mengusahakannya dahulu sebelum diserahkan kembali kepada tuan tanah seperti polisi penanaman getah oleh RISDA seperti Prasarana Asas Pertanian dan Bantuan Tabung Pelancaran.

69. PN-1542-L14591

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) dalam membendung aktiviti manipulasi dan penyelewengan beras putih tempatan bersubsidi.

70. PN-1542-L14674

**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil melalui Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memastikan terlaksana program pelatihan penyelidikan dan program kajian manuskrip Melayu Lama yang jumlahnya lebih 20,000 judul di serata dunia untuk memastikan ilmu-ilmu watan dalam bidang keagamaan, ketatanegaraan, historiografi, undang-undang, perubatan, etnosains dan teknologi dan bidang lain dapat diangkat untuk pengayaan ilmu negara.

71. PN-1542-L13974  
**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menstrukturkan sistem zon pengedaran subsidi makanan dan minyak dengan lebih teliti.
72. PN-1542-L14241  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk golongan OKU mendapat kemudahan asas di semua stadium di seluruh negara.
73. PN-1542-L14619  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status semasa pewartaan tanah Orang Asli di seluruh negara.
74. PN-1542-L13899  
**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan dalam memperkemaskan agensi dan jabatan Kerajaan demi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan operasi.
75. PN-1542-L14444  
**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan penalti denda RM5000 atau penjara 6 bulan ke atas ibu bapa yang gagal menghantar anak ke sekolah menengah tidak membebankan mereka yang berhalangan dengan kemiskinan, kekurangan akses atau masalah kesihatan serta bagaimana Kerajaan mengimbangi keperluan penguatkuasaan dengan intervensi yang sesuai.
76. PN-1542-L14211  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) jumlah kes pencerobohan tanah Kerajaan bagi aktiviti perlombongan mineral dan berapakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan; dan
  - (b) apakah rancangan Kementerian dalam melahirkan industri Perlombongan Unsur Nadir Bumi (REE) dalam kalangan syarikat tempatan.

77. PN-1542-L14442

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana RMK13 dapat memperkukuh aspek keselamatan dalam negeri melalui teknologi baharu dan pendekatan keselamatan komuniti.

78. PN-1542-L14528

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kerajaan dalam membangunkan laluan mobiliti keluar (exit pathway) bagi individu dalam sektor ekonomi gig, khususnya graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), agar mereka dapat beralih kepada pekerjaan formal yang lebih stabil dan berstruktur ; dan
- (b) berapakah peratus graduan yang berjaya beralih daripada kebergantungan jangka panjang kepada sektor ekonomi gig kepada pekerjaan formal dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

79. PN-1542-L13964

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) mengapakah banyak entiti tidak berlesen yang masih beroperasi dalam sektor pelancongan; dan
- (b) tindakan strategik Kementerian untuk menangani pelancongan haram dan perlindungan kepada pengguna.

80. PN-1542-L14127

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status semasa dan hala tuju Kementerian berhubung isu cetakan fizikal lesen memandu Malaysia, keberkesanan pelaksanaan sistem digital, serta langkah-langkah yang diambil bagi memastikan akses perkhidmatan ini dapat dinikmati oleh warga emas, individu di kawasan luar bandar, dan golongan yang kurang mahir teknologi.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

**merestui** ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)** akan mencadangkan :-

“bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat (70), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:-

- (a) Yang Berhormat Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah – Pengerusi (Yang di-Pertua Dewan Negara)
- (b) Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Fuziah binti Salleh;
- (c) Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding;
- (d) Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa; dan
- (e) Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh satu penggal iaitu Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas dan selaras dengan peruntukan Peraturan 70(2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir di hadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

3. ( D.R.21/2025 ) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

4. ( D.R.14/2025 ) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

5. ( D.R.13/2025 ) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

6. ( D.R.11/2025 ) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
7. ( D.R.12/2025 ) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
8. ( D.R.6/2025 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
9. ( D.R.7/2025 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
10. ( D.R.19/2025 ) Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Kerja Raya ]**
11. ( D.R.17/2025 ) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Kesihatan ]**

12. ( D.R. 16/2025 ) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
13. ( D.R. 18/2025 ) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**
14. ( D.R.15 /2025 ) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**
- [ Perdana Menteri ]**
15. ( D.R. 20/2025 ) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 5	Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Syarikat Kerajaan Persekutuan	25 Ogos 2025
CMD. 6	Rancangan Malaysia Ketiga Belas 2026-2030	25 Ogos 2025
CMD. 7	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Bagi Tahun 2024	25 Ogos 2025
CMD. 8	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bagi Tahun 2024	25 Ogos 2025
ST. 26	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Guru Tun Hussein Onn Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 46	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 50	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 51	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 52	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 53	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 54	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 61	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) Bagi Tahun 2022	25 Ogos 2025
ST. 64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (KWSMP) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Perubatan Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 66	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 67	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Perlis Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 70	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 71	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 72	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 73	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 74	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 78	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2024	25 Ogos 2025
ST. 82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2022	25 Ogos 2025
ST. 83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 84	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Sukan Negara (ISN) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Sukan Negara (MSN) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) Bagi Tahun 2021	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u> <u>2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 92	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kelang dan Lembaga Pelabuhan Melaka Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 95	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 99	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2025 P.U (A) 59/2025 diwartakan pada 13 Februari 2025	25 Ogos 2025
ST.100	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Persekutuan Rusia) 2025 P.U (A) 112/2025 diwartakan pada 28 Mac 2025	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 101	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2025 (Pindaan) 2025 P.U (A) 149/2025 diwartakan pada 7 Mei 2025	25 Ogos 2025
ST. 102	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Maldives) 2025 P.U (A) 183/2025 diwartakan pada 18 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 103	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2024 P.U (A) 66/2024 diwartakan pada 26 Februari 2024	25 Ogos 2025
ST. 104	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Jualan) 2025 P.U (A) 170/2025 diwartakan pada 9 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 105	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan daripada Cukai Jualan) 2025 P.U (A) 171/2025 diwartakan pada 9 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 106	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2025 P.U (A) 173/2025 diwartakan pada 9 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 107	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2025 P.U (A) 174/2025 diwartakan pada 9 Jun 2025	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u> <u>2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 108	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Jualan) (Pindaan) 2025 P.U (A) 199/2025 diwartakan pada 30 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 109	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang yang Dikecualikan daripada Cukai Jualan) (Pindaan) 2025 P.U (A) 200/2025 diwartakan pada 30 Jun 2025	25 Ogos 2025
ST. 110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia Bagi Tahun 2024	25 Ogos 2025
ST. 113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Bagi Tahun 2019	25 Ogos 2025
ST. 114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Bagi Tahun 2020	25 Ogos 2025
ST. 115	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Bagi Tahun 2021	25 Ogos 2025
ST. 116	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Bagi Tahun 2022	25 Ogos 2025
ST. 117	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 120	Laporan Tahunan dan Penyata Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SMEECorp) Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025
ST. 121	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2023	25 Ogos 2025